

TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJI BIN HAJI NOOR,
KETUA MENTERI SABAH
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA
KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK PERINGKAT NEGERI
SABAH, DI PERKARANGAN PUSAT PENTADBIRAN NEGERI SABAH,
19 DISEMBER, 2020

1. Alhamdulillah kerana dengan izin-NYA, kita dapat bersama menjayakan pelancaran Kempen Penanaman 100 juta Pokok peringkat negeri Sabah bagi tempoh 2021-2025, hari ini. Saya merakamkan syabas kepada Ketua Konservator Hutan Sabah dan pasukannya kerana menjayakan majlis hari ini. Apa yang lebih istimewa, pemilihan Pusat Pentadbiran Negeri Sabah sebagai tapak penanaman pokok pertama untuk kempen ini di peringkat negeri.
2. Sepertimana kita sedia maklum Agenda Penghijauan Negara dilaksanakan untuk mencapai objektif memperkayakan khazanah hutan kita. Kerajaan negeri sentiasa menyokong usaha positif untuk memastikan khazanah hutan negeri terus kekal dan dipelihara serta dapat dimanfaatkan sebaik mungkin. Menerusi kempen selama lima tahun ini, jumlah pokok yang akan ditanam adalah kira-kira 36 juta dengan membabitkan lima kategori antaranya ladang hutan, restorasi hutan, pembangunan ladang getah dan pokok buah-buahan.
3. Khazanah hutan yang menghijau, bukan sahaja memberi kebaikan kepada kesihatan, tetapi membantu dalam pembangunan ekonomi negara. Seperti yang kita tahu Sabah adalah negeri yang menawarkan destinasi pelancongan berasaskan flora dan fauna. Justeru, penanaman pelbagai spesies pokok menerusi kempen ini akan memberi manfaat kepada rakyat dan negeri ini, antaranya pendapatan daripada sektor eko-pelancongan berasaskan alam sekitar. Selain pelancongan, sumber hutan yang banyak akan membangunkan industri berasaskan kayu seperti perabot dan papan lapis. Perkembangan ekonomi berasaskan sektor pelancongan dan industri kayu, pastinya meningkatkan keupayaan kerajaan negeri menyediakan kemudahan infrastruktur kepada rakyat seperti jalan raya, perumahan, air dan elektrik serta peluang pekerjaan.
4. Tema Kempen Penanaman 100 Juta Pokok ini, "Pokok Kita Kehidupan Kita" atau "*Our Trees Our Life*" jelas menunjukkan kesungguhan kerajaan negeri dan Persekutuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat akan kepentingan hutan kepada kesejahteraan hidup manusia. Memelihara dan menjaga hutan serta alam sekitar bukan tugas kerajaan semata-mata, sebaliknya juga tugas semua pihak termasuk swasta, institusi pengajian tinggi, pertubuhan bukan kerajaan, komuniti kampung dan orang perseorangan. Selaku Ketua Menteri Sabah, besarlah harapan saya agar kempen pada hari ini akan menaikkan semangat rakyat

negeri ini dan menyemarakkan usaha menanam pokok di Sabah khususnya tanah milik persendirian.

5. Seperti yang kita maklum, kempen penanaman pokok di Sabah bermula sejak 2010 di kawasan yang kurang kayu akibat cara pembalakan yang turut merosakan khazanah hutan di negeri ini. Oleh itu, saya menyeru agar kita semua berganding bahu menjayakan Agenda Penghijauan Negara melalui kempen ini dengan jayanya. Ia kerana hutan yang subur menghijau menjadi tempat perlindungan kepada hidupan liar antaranya orang utan, gajah, monyet dan rusa selain berbagai jenis tumbuhan seperti Raflesia, periuk kera dan orkid. Inisiatif penanaman pokok ini sudah tentu dapat membantu kerajaan dalam usaha pengurusan hutan secara berkekalan di negeri ini.
6. Saya difahamkan oleh Ketua Konservator Hutan Sabah, sempena pelancaran Kempen Penanaman 100 Juta Pokok oleh YAB Perdana Menteri pada 5 Januari depan, aplikasi mobile dan portal penghijauan Malaysia, juga akan dilancarkan. Aplikasi ini akan digunakan untuk mengemaskini data penanaman pokok di seluruh negara dan ditempatkan di Kementerian Tenaga dan Sumber Asli Malaysia (KeTSA). Jabatan yang ingin mendapatkan akses kepada data itu bolehlah berhubung dengan pihak KeTSA. Kejayaan agenda penghijauan negara ini bagaimanapun menuntut pembabit aktif dan kerjasama erat antara kerajaan negeri Sabah, Sarawak dan Persekutuan, bagi mencapai objektif penanaman 100 juta pokok pada penghujung tahun 2025. Sehubungan itu, rakyat di Sabah secara keseluruhannya perlu bersama menjayakan kempen ini.
7. Sebelum mengakhiri ucapan ini, izinkan saya membaca 2 rangkap pantun:

Kalau bukan kerana awan,
Tidak hujan turun ke bumi
Kalau bukan keranamu tuan,
Tidak kempen penanaman jadi realiti.
Pungguk terbang menyongsong kegelapan,
Sabar menanti hadirnya bulan,
Menanam pokok lambang kehidupan,
jadikan sebagai amalan.

Mari

8. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya melancarkan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Peringkat Negeri Sabah dengan rasminya.

Sekian, terima kasih.